Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera

YBhg. Datuk/Dato'/Prof/Prof. Madya/Dr/Tuan/Puan,

**JOM KEMASKINI DATA PERIBADI ANDA SEMPENA SAMBUTAN BULAN HRMIS 2022 PERINGKAT UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**




Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Universiti Sains Malaysia (USM) melalui Bahagian Sumber Manusia menganjurkan Sambutan Bulan HRMIS Peringkat USM Bagi Tahun 2022. Sambutan ini merupakan sebahagian dari usaha USM untuk sentiasa menerapkan budaya ketepatan data di kalangan warga USM sejajar dengan tema sambutan pada tahun ini iaitu #KetepatanDataAspirasiKita.

3. Untuk makluman, adalah menjadi tanggungjawab YBhg. Datuk/Dato'/Prof/Prof. Madya/Dr/Tuan/Puan untuk mengemaskini sendiri maklumat peribadi serta tanggungan masing-masing ke dalam sistem HRMIS selaras dengan kandungan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2007 dan Surat Edaran mengenai Pelaksanaan Penggunaan Surat Pengesahan Diri dan Pengakuan Pegawai Secara Atas Talian (eGL) di hospital-hospital di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui aplikasi HRMIS bertarikh 12 Julai 2007.

4. Bagi memudahkan YBhg. Datuk/Dato'/Prof/Prof. Madya/Dr/Tuan/Puan untuk mengakses HRMIS, berikut disenaraikan pautan web dan aplikasi di telefon pintar yang boleh digunakan:

**HRMIS 2.0**

*(untuk pengemaskinian maklumat peribadi/keluarga dan paparan profil perkhidmatan penjawat awam)*

hrmis2.eghrmis.gov.my

**APLIKASI MyHRMIS Mobile**
*(Memaparkan rekod Surat Pengesahan Diri dan Pengakuan Pegawai (GL) sebagai kaedah alternatif sekiranya terdapat gangguan capaian kepada eGL HRMIS di kaunter hospital/klinik kerajaan)*

5. Sempena Sambutan Bulan HRMIS ini, **Kaunter Perkhidmatan e-Pelanggan HRMIS akan dibuka pada hari Rabu, 27 Julai 2022 bermula jam 2.00 petang hingga 4.30 petang**. Ianya merupakan platform untuk memaksimumkan penyampaian perkhidmatan dan memberi peluang kepada pelanggan untuk mengemukakan pandangan, pertanyaan atau cadangan mengenai HRMIS. Kaedah interaksi adalah melalui aplikasi Webex seperti pautan di bawah:

**Pentadbir HRMIS Kampus Induk & IPPT**
https://tinyurl.com/HRMISInduk
Meeting No.: 2516 723 6734
Password: Induk123

**Pentadbir HRMIS Kampus Kejuruteraan**
https://tinyurl.com/HRMISKej
Meeting No. : 2512 088 3508
Password: kejut123

**Pentadbir HRMIS Kampus Kesihatan & HUSM**
https://tinyurl.com/HRMISKCKHUSM
Meeting No.: 2519 072 6140
Password: kck123
--------------------------------------------------------------------------------
Panduan Kaunter Perkhidmatan e-Pelanggan HRMIS (secara Webex)
Sistem Chat hanya akan diaktifkan pada tarikh dan masa yang ditetapkan:-

- Buka sistem Webex melalui https://tinyurl.com/webexusm
- Daftar masuk mengikut kampus (rujuk lampiran)
- Pilih Chat (Privately) / Q&A
- Pilih - Unit Pembangunan Organisasi
- Mulakan interaksi Chat dengan pentadbir HRMIS kampus anda

6. Sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara program ini, sila hubungi Unit Pembangunan Organisasi melalui aplikasi Whatsapp di www.wasap.my/+6046536090 atau melalui emel di organisasi@usm.my

7. Kesudian YBhg. Datuk/Dato'/Prof/Prof. Madya/Dr/Tuan/Puan mengemaskini data peribadi melalui HRMIS amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

| **MOHD ZULKARNAIN MOHAMAD TAJULARIFFIN**
Jabatan Pendaftar
Universiti Sains Malaysia